

UPM & UPSI MENYERLAH DI HARI KE- 5

**UPM Pertahan
Emas Takraw**



**UPSI Kuasa
Baru Silat**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اویس سنت فنڈلیق، سلطان ادريس

SELAMAT

SIDANG REDAKSI

JAWATANKUASA MEDIA, BULETIN, DAN PUBLISITI

PENASIHAT I
EN. TONY AZMAN HASSAN

PENASIHAT II
EN. PEKAN RAMLI

PENYELARAS
PN. ZUZILAWATI ZUBIR

KETUA EDITOR
EN. AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

KETUA WARTAWAN
ABD. HADI CHE AWANG

PEREKAA GRAFIK
MUHD AZFAR
SHAHMIN AHMAD
YUSRI AIDID
NORSYAFIKA

EDITOR
PN. NURUL AISHAH AB RAMAN
EN. DZULKARNAIN MAZLAN
EN. HAFIZ BAHAROM

EDITOR FOTO
HARIS DANIEAL

PENYELARAS PETUGAS MEDIA
KHAIRUL HANIM



Foto oleh Nurul Nadzirah Naijiah

UPM *Libas* Thaksin

Oleh Ahmad Nabil Rosedi

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM), mencipta kejayaan hatrik dalam acara sepak takraw antara regu selepas menang ke atas wakil Thailand, Universiti Thaksin.

Ibarat perlawanan dua musuh tradisi, Malaysia-Thailand dalam peringkat yang lebih tinggi, kelebihan beraksi di gelanggang sendiri memberi kelebihan buat UPM.

UPM yang diberi Muhammad Kamal Ishak, Muhammad Danial Baharin dan Meor Mohamad Zulfikar Mat Amin menang 21-13, 21-15 ke atas trio Universiti Thaksin yang diberi Rohman Yakoh, Rusdee Lerem dan Hanif Salaeme dalam perlawanan yang berlangsung selama 55 minit.

UPSI Gah Kuasai Silat

Oleh Muhammad Ilyas

UKM, BANGI - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyerlah dalam acara silat apabila merangkul enam pingat emas dan dua perak pada hari terakhir acara semalam.

Antara kejayaan yang diraih termasuklah menerusi Ahmad Badrirullah Rahmat bagi kelas H, 80kg-85kg, Shahrulnizam Abdul Roni, Amirul Amri Rahim, Amir Kasturi Rahim, Mohd Shaheed Md Shafiee bagi kategori putera dan bagi kategori puteri menerusi Nor Aziera Zulkifli.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Komuniti Malaysia (KKMAS), turut menyinar dengan masing-masing memenangi tiga pingat emas manakala Politeknik Malaysia membawa pulang dua pingat emas.

KEPUTUSAN SILAT

BIL.	KATEGORI	PEMENANG
1	Kelas A (45kg-50kg) (M)	Mohd Faiz Bin Mohd Zuki (UUM)
2	Kelas A (45kg-50kg) (W)	Faradiba Tugiman (UiTM)
3	Kelas B (50kg-55kg) (M)	Muhammad Amirul Basaruddin (UiTM)
4	Kelas B (50kg-55kg) (W)	Nur Ainiq Afifah Binti Alias (UNISZA)
5	Kelas C (55kg-60kg) (M)	Shahrulnizam Bin Abdul Roni (UPSI)
6	Kelas C (55kg-60kg) (W)	Normanjalinia Madon (UM)
7	Kelas D (60kg-65kg) (M)	Amirul Amri Bin Rahim (UPSI)
8	Kelas D (60kg-65kg) (W)	Nur Adilah Binti Mohamad Zamri (MSP)
9	Kelas E (65kg-70kg) (M)	Amir Kasturi Rahim (UPSI)
10	Kelas E (65kg-70kg) (W)	Nur Diana Aleesya Binti Shaharuddin
11	Kelas F (70kg-75kg) (M)	Azfar Shazriq Bin Ishafari (KK MAS)
12	Kelas F (70kg-75kg) (W)	Nor Aziera Binti Zulkifli (UPSI)
13	Kelas G (75kg-80kg) (M)	Wan Muhammad Afiq Bin Wan Ahmad Hasbullah (KK MAS)
14	Kelas H (80kg-85kg) (M)	Ahmad Badrirullah Bin Rahmat (UPSI)
15	Kelas I (85kg-90kg) (M)	Tahfiz Irsyaduddin Bin Baharom (KK MAS)
16	Kelas J (90kg-95kg) (M)	Mohd Shaheed Bin Md Shafiee (UPSI)
17	Kelas Bebas (95kg-110kg) (M)	Muhammad Adri Bin Mohd Sa'ad (MSP)
18	Kelas Bebas (75kg-90kg) (W)	Adib Hadina Shukor (UiTM)

UM Unggul Di Hari Terakhir Boling

Oleh Ahmad Syukri Azman
Khairunnisa Ismail

PUTRAJAYA – Universiti Malaya (UM) membolot lima emas dan tiga perak secara keseluruhan acara boling SUKIPT 2018 yang menutup gelanggang semalam.

Di hari terakhir, Nora Lyana Nastasia menyumbang dua emas buat UM menerusi acara All Event dan Master, manakala Syed Mohammad Hafiz Syed Hussien turut menyumbang emas menerusi acara Master lelaki.

Satu lagi emas pada hari terakhir boling diraih Jufrisafwan Jonedi dari Universiti Sains dan Pengurusan (MSU) yang mengungguli acara All Event lelaki.



Foto oleh Khairunnisa Ismail

Secara keseluruhan, UM memenangi lima pingat emas, MSU, tiga pingat emas manakala UPM dan Universiti Sunway, masing-masing satu pingat emas.

UPM Mulakan Tuai Emas



Foto oleh Haris Danieal & Syafiq

Oleh Farah Solhi

UKM, BANGI - Aksi kali pertama di SUKIPT 2018 memberi kenangan kepada Kirthana Ramasamy apabila memenangi pingat emas acara lompat jauh wanita dengan jarak 5.52 meter. Kirthana bertuah kerana dia disenaraikan sebagai atlet gantian kepada Noor Shahidatul Nadia Mohd di saat akhir.

Emas kedua UPM hari ini diperolehi daripada acara lompat tinggi wanita menerusi Norliana Kamarudin yang melakukan lompatan 1.65 meter. Acara ini sedikit hambar dengan penarikan diri peserta pilihan rakan sepasukan Yap Seam Yee.

Teoh Kim Ling dari Politeknik Malaysia muncul atlet pertama merangkul pingat emas dalam aksi pembukaan acara olahraga apabila memenangi acara 5000 meter wanita. Teoh turut mencatat rekod baru kejohanan.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) turut memenangi pingat emas melalui acara lontaran peluru sejauh 14.38 meter

Lensa SUKIPT

UKM. BANGI • 2018



Foto Oleh

Muhd Syafiq
Aliya Nor Azman
Nurul Nadzirah

Lensa
SUKIPT
UKM. BANGI • 2018



Foto Oleh

Haris Danieal
Farah Adibah

UiTM Cemas Sebelum Layak

Oleh Abdul Hadi Che Awang

SERDANG - Universiti Teknologi MARA (UiTM) cemas sebelum menang sepakan penalti 4-2 mengatasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk layak ke peringkat separuh akhir.

Manakala Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut mencatat kemenangan tipis 1-0 ke atas UiTM Perlis.

Turut layak ke separuh akhir Universiti Malaya (UM) yang bernasib baik mara ke separuh akhir setelah menyingkirkan tuan rumah UPM yang beraksi 10 pemain. Tambah malang, UM menang 2-1 hasil gol sendiri pihak lawan.

Pasukan terakhir yang melangkah ke separuh akhir adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) yang menewaskan Politeknik Malaysia 2-0.

Pada aksi separuh akhir, UiTM akan berentap dengan UPSI manakala IIUM akan menentang UM.



Foto oleh Farah Adibah

BOLA SEPAK
SUKIPT
UKM, BANGI - 2018



UM

vs



STADIUM UPM | 4.00 PTG



UPSI

vs



STADIUM USIM | 4.00 PTG



Redemption At It's Best

By Adi Samsuri

UKM, BANGI - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) archery squad dominated recurve mixed team and compound mixed team archery event.

UniSZA compound archery mixed team, Mohd Hakhiki Mohd Kamro and Nur Aina Yasmine Halim which both are gold medalist for individual compound event before cruise to claim gold medal against silver medalist, Politeknik Malaysia archers, Muhammad Fahrur Rosi Choiril Anuar and Nur Azlin Azlan with final score of 152-142.

The domination continue when their recurve mixed team, Muhammad Ikram Zaidi and Shaerra Ezzaty Saffuan also claim gold with a very close fight that decided in the last round with final score of 5-3 against Universiti Putra Malaysia (UPM) archers, Ang Ming Shan and Mohd Alif Adha Hassan that satisfied with silver medal.



Photo by Ahmad Ajwad Azman

It's a Wrap for Taekwondo

By Ahmad Ajwad Azman

UKM, BANGI – Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) emerged victorious in the taekwondo kyorugi event in SUKIPT 2018 in final day with one gold medal each.

Ahmad Fahmy Al-Haqim from UPSI won open category by defeating Abu Amir Ubaidah Norizan from UiTM while Abinasan Ramasamy crowned as champion for UPM.

Sunway University also produced another gold through Nicole Lim Li Theng by defeating Nur Aqila Suraya from Politeknik Malaysia, in the female middle open category while Nurul Nadhirah Norhisham won gold medal for UiTM after defeating Chua Wen Ji from KDU University College.



Jom Sihat Bersama

Yakult

Oleh Siti Nur Hasyyati Ruzelan

UKM, BANGI – Buat julung kalinya pengeluar minuman kultur probiotik, Yakult, menyertai SUKIPT 2018 selaku penaja rasmi untuk kejohaan yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM).

Yakult membekalkan sebanyak 30,000 botol Yakult Ace Light kepada semua yang terlibat sepanjang sembilan hari berlangsung SUKIPT 2018.

Tambah menarik, Yakult juga turut menawar tajaan yang berupa pakej percutian ke Jepun, hamper barang Yakult, serta tajaan bekalan minuman Yakult selama setahun buat Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT 2018.

Jadi, berbaki empat hari sebelum SUKIPT menutup tirai, jom kita sihat bersama Yakult!



JADUAL ACARA SUKAN

7 FEBRUARI

9.00 am BOLA JARING DEWAN GLG BOLA JARING GMI, BANGI	8.00 am KARATE DTAMS, UKM	8.00 am PETANQUE GLG PETANQUE, KOLEJ KERIS MAS, UKM	9.00 am BADMINTON UPTOWN ARENA, BANGI	8.30 am BOLA TAMPAR DEWAN GEMILANG, UKM	8.00 am OLAHRAGA STADIUM UKM, BANGI
8.30 am KRIKET OVAL KRIKET, UKM & KINRARA OVAL	8.00 am BOLA TAMPAR PANTAI GLG BOLA TAMPAR PANTAI, UKM	8.30 am HOKI'S 6 GLG FUTSAL UKM	8.30 am LAWN BOWLS KOMPLEKS SUKEAN LAWN BOWLS SEREMBAN 2, N.SEMBILAN	8.30 am SOFBAL GLG SOFBAL UKM	8.30 am TENIS GLG TENIS, UKM
8.30 am BOLA SEPAK STADIUM;- USIM UPM	7.30 am GOLF KELAB GOLF DANAU, UKM	8.30 am CATUR DEWAN KONVENSYEN KOLEJ KERIS MAS, UKM	9.00 am PING PONG DTAMS, UKM	8.00 am MEMANAH STADIUM PAVILLION, UKM	9.00 am MENEMBAK LAPANG SASAR 10M, UPNM
7.30 am BERBASIKAL TREK BERBASIKAL MTB, UKM	9.00 am RAGBI 7'S PADANG RAGBI, UPM	10.00 am LAWAN PEDANG PRESIDENT HALL, NILAI UNIVERSITI	8.30 am SKUASY GLG SKUASY, UKM		

B/L.	PASUKAN	PENGUTAN PINGAT			JUMLAH
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	18	17	15	50
2	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	13	16	13	42
3	SUNWAY UNIVERSITY	13	13	13	39
4	TAYLOR'S UNIVERSITY	12	9	9	30
5	POLITEKNIK MALAYSIA	9	5	17	31
6	UNIVERSITI MALAYA	8	9	6	23
7	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	8	2	7	17
8	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	7	2	4	13
9	HELP UNIVERSITY	4	0	1	5
10	KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA	3	3	4	10

*PENGUTAN PINGAT SEHINGGA PUKUL 6 PETANG SEMALAM